

08 FEBRUARI 2018

Kopi durian ada syabu

Hasil ujian air kencing dua pengawal keselamatan warga Nepal

Kopi durian ada syabu

Oleh MOHD. KHUAIRI ISMAIL dan FARABI SAID
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 FEB.

UJIAN air kencing dua pengawal keselamatan warga Nepal yang diserang gejala seperti sawan dan lelah teruk selepas minum kopi berperisa durian hujung bulan lalu didapati positif dadah jenis methamphetamine atau syabu.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berkata, laporan awal air kencing kedua mangsa itu diterima petang kelmarin.

"Bagaimanapun kita sedang menunggu laporan darah dua warga asing berusia 32 dan 46 tahun berkenaan daripada Jabatan Kimia Jabatan Kimia untuk mendapatkan keputusan sebenar," katanya ketika dihubungi di sini.

Difahamkan, polis juga masih menunggu laporan air kencing dua lagi lelaki yang didakwa me-



A. THAIVEEGAN



Polis masih mencari maklumat baharu mengenai bungkusan kopit tersebut dan meminta kerjasama daripada orang awam supaya menyalurkan maklumat tentang siapa yang membuat bungkusan kopit dan membawanya di mana-mana balai polis berhampiran."

A. THAIVEEGAN
Ketua Polis Pulau Pinang

ngalami simptom sama 4 Februari lalu dipercayai selepas minum sejenis kopit segera yang diberikan seorang lelaki Bangladesh.

Sementara itu, dalam perkembangan berita, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan berkata, polis kini sedang meliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi pembuangan

Kopi durian campur dadah diedar sindiket?

► Kopi berperisa durian dipercayai dicampur dadah diedar sindiket

► Memutus Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, kopit dibekal ejen, diagih kepada orang ramai.

► Dua lagi mangsa dimasukkan ke Hospital Pula Pinang, Khamis dan Sabtu lalu.

► Dakwa dapat percaya



KERATAN
Utusan
Malaysia
5 Februari
2018.

sampah iaitu lokasi bungkusan kopit itu ditemukan oleh warga Bangladesh.

Jelasnya, siasatan kini menjurus kepada individu yang meninggalkan bungkusan kopit itu sebelum dibuang ke dalam tong sampah yang belum dikenal pasti.

"Polis masih mencari maklumat baharu mengenai bungkusan kopit tersebut dan meminta kerjasama daripada orang awam supaya menyalurkan maklumat tentang siapa yang membuat bungkusan kopit dan membawanya di mana-mana balai polis berhampiran," katanya.